

12 JUN 2003

Koh-Air

PULAU PINANG SOKONG PUSAT AMBILALIH URUSAN BEKALAN AIR

BUKIT MERTA JAM, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang menyokong cadangan kerajaan pusat supaya pembangunan dan penyediaan bekalan air bersih diserahkan kepada kerajaan persekutuan menerusi satu sistem bersepadu pengurusan air.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata beliau yakin menerusi sistem bersepadu itu pengurusan sumber-sumber air di Semenanjung dapat dibuat secara lebih efisien.

Beliau mengulas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerajaan pusat mungkin mengambil alih pembangunan dan penyediaan bekalan air bersih kerana ketidakupayaan kerajaan-kerajaan negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang terlalu tinggi.

Cadangan itu dikemukakan pada mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri ke-91 di Kuala Lumpur semalam.

"Kita memang menyokong supaya diadakan satu sistem yang lebih bersepadu untuk menguruskan sumber air," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata oleh kerana kos pembangunan dan penyediaan sumber air bersih adalah tinggi, kerajaan pusat menyediakan pinjaman kepada negeri-negeri tetapi ada kerajaan negeri yang tidak berupaya membayar balik pinjaman tersebut.

Dr Koh berkata Pulau Pinang turut mendapat pinjaman ratusan juta ringgit daripada kerajaan pusat untuk melaksanakan projek bekalan air seperti membina empangan, loji rawatan air dan sistem berkaitan.

"Bagaimanapun selama ini kerajaan negeri telah membuat bayaran yang pada amnya mengikut jadual (yang ditetapkan). Walaupun tidak banyak yang tertunggak tetapi akhirnya bayar," katanya.

Menyentuh tentang kenyataan Dr Mahathir yang mahu kerajaan negeri tidak meminta peruntukan terlalu besar daripada Bajet 2004, Dr Koh berkata ia adalah nasihat yang menasabah.

"Kerajaan negeri juga memerlukan bantuan pusat tetapi kita tidak (meminta) keterlaluan dan memohon (peruntukan) yang perlu (sahaja)," katanya.

Katanya dari segi pelaksanaan projek daripada peruntukan itu, ia telah mencapai 90 peratus dan dipastikan seberapa yang boleh mengikut jadual yang ditetapkan.

Sementara itu, Dr Koh mengingatkan Pihak Berkuasa Tempatan berhati-hati dalam mempertimbangkan permohonan projek hartanah khasnya komersil memandangkan ruang komersil di negeri ini masih mengalami lebihan yang agak serius.

"Pada amnya kerajaan negeri bersetuju permohonan seperti itu tidak patut ditambah kerana terdapat banyak ruang komersil yang belum dapat dijual atau disewa," katanya.

-- BERNAMA

NH ZS ZB